



*Himpunan Keputusan*  
**FATWA**  
NEGERI PULAU PINANG  
1961 - 1975

جابتن مفتی نگري ڦولاو ڦينغ  
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

**SIRI 1**

# Himpunan Keputusan FATWA Negeri Pulau Pinang

Tahun 1961 - 1975

## **Hakcipta terpelihara.**

Tidak dibenarkan mengeluar mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa keizinan daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

**Susunan:**  
Bahagian Fatwa  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
<http://mufti.penang.gov.my>



**Diterbitkan oleh:**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 48, KOMTAR, Pulau Pinang.

Telefon : 04-263 2975

Faksimil : 04-263 2985

**Rekabentuk/Urus Cetak**  
CRUCETAK SDN. BHD.

*Himpunan Keputusan*  
**FATWA NEGERI PULAU PINANG**  
**1961 - 1975**

***Isi Kandungan***

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Hukum Memberi Penghormatan Kepada Pejuang-Pejuang Yang Terkorban	2
2	Hukum Membuat Binaan Dan Menanam Mayat Di Atas Kubur Yang Sama	4
3	Hukum Merobohkan Masjid	4
4	Hukum Membuat Binaan Tidak Kekal Di Atas Kubur	7
5	Hukum Menggunakan Wang Faedah	7
6	Lencana Mengandungi Cross (Salib)	8
7	Pengambilan Milik Tanah Untuk Membina Tali Air Di Kawasan Pasir Gebu, Seberang Perai Utara	9
8	Binaan Di Atas Makam	10
9	Perkara Zakat Di Dalam Syarikat	12
10	Menghadiah Kalungan Bunga Kepada Kematian Dan Menghadiah Kepada Perkahwinan Orang Yang Bukan Beragama Islam Oleh Orang Islam	13
11	Bilik Yang Dijadikan Musolla	16
12	Perkahwinan Yang Melibatkan Pasangan Berlainan Agama	17
13	Zakat Tanaman	18
14	Sembahyang Zohor Yang Mengiringi Sembahyang Jumaat	19
15	Nisab Zakat & Sukatan Zakat	20
16	Hukum Menggunakan Wang Faedah (Interest)	23
17	Menerima Wang Faedah	24
18	Permohonan Fatwa Berkenaan Pembinaan Masjid Dengan Wang Kerajaan	25
19	Hukum Menjual Madrasah Yang Lama Di Mengkuang Titi, Bukit Mertajam Dan Wangnya Itu Akan Digunakan Bagi Keperluan Madrasah Yang Baharu	25

BIL.	PERKARA	HALAMAN
20	Fatwa Mengenai Zakat Perniagaan	26
21	Sembahyang Sebelum Masuk Waktu	27
22	Masjid Lama Yang Dirobohkan	27
23	Permohonan Joseph Rajan & Che' Ooi Saw Lean Hendak Mendaftar Seorang Anak Lelaki Islam Sebagai Anak Angkat Mereka	29
24	Sembahyang Jemaah Wanita Di Sebalik Tirai Masjid	29
25	Sembahyang Jumaat	30
26	Qadha Sembahyang Fardhu	31
27	Hak Penjagaan Anak	32
28	Mengeluarkan Mani Dengan Tangan	35
29	Mani Beradas	35
30	Sembahyang Jumaat Di Luar Qaryah	36
31	Harta Pusaka Salimah Bt. Hj. Musa	36
32	Harta Sepencarian	39
33	Pernikahan Yang Sah	40
34	Ibu Angkat Di Bawah Adat Resam Dan Undang-Undang Islam	40
35	Kedudukan Bangunan Masjid Dan Tanah Perkuburan Qaryah Permatang Damar Laut	41
36	Mengkaji Semula Surat Rayuan Daripada Jawatankuasa Bertindak Masjid Tasek Junjong Mengenai Tanah Perkuburan	44
37	Kandungan Surat Setiausaha Qaryah Masjid Bayan Lepas	45
38	Pemindahan Anggota Manusia	46
39	Cadangan Untuk Membina 2 Tingkat Bangunan Membeli Belah Dan Masjid Di Lot. 3185 (11) 6 T.S. No. 16, Jalan Macalister, Pulau Pinang (Masjid Simpang Enam)	46
40	Wang Faedah Bank Untuk Membina Masjid	47
41	Menggantikan Khatib Yang Sedang Membaca Khutbah	49
42	Sembahyang Jumaat	49

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
43	Meruntuhkan Masjid Lama (Permatang Tok Mahat)	50
44	Mendirikan Batu Feringghi Keramat	51
45	Hasil Jualan Masjid Lama (Masjid Batu Feringghi)	51
46	Meruntuhkan Masjid Lama (Masjid Batu Feringghi)	52
47	Melihat Al-Quran Sewaktu Sembahyang	52
48	Membina Masjid Baharu (Masjid Sungai Duri)	53
49	Membina Masjid Baharu (Masjid Sungai Ara)	53
50	Membina Masjid Baharu Di Tanah Perkuburan (Kubang Semang)	54
51	Memisahkan Sembahyang Jumaat Bergilir-Gilir Di Antara Dua Masjid	54
52	Laporan Pembinaan Masjid Baharu Di Tapak Perkuburan (Masjid Kubang Semang)	55
53	Pembinaan Dua Buah Rumah Direka Di Atasnya Dengan Modal Fitrah	56
54	Pembinaan Masjid Baharu (Sungai Ara)	56
55	Kayu Kayan Bagi Bangunan Masjid Kampung Terang, Balik Pulau	57
56	Ustaz Al-Hafiz Abdullah Bukhari Sebagai Imam Masjid Kapitan Keling	57
57	Wasiat Dan Kematian	59
58	Pusaka	61
59	Menjadi Penaung Bagi Badan-Badan Kristian	61



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1961**

## 1. HUKUM MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA PEJUANG-PEJUANG YANG TERKORBAN

Bagaimanakah keadaan atau hukum mengenai istiadat memberi penghormatan kepada pejuang-pejuang yang telah terkorban di dalam Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua dan perjuangan menamatkan darurat?

### Keputusan :-

1. Sudah ternyata adapun pejuang-pejuang yang terkorban di dalam perjuangan-perjuangan yang tersebut di atas itu termasuk juga orang-orang Islam. Dengan alasan qias sekiranya ada mayat-mayat orang-orang Islam yang bercampur dengan mayat-mayat orang-orang kafir yang tidak dapat diasingkan haruslah disembahyang kepada semuanya sekali.
2. Maka orang-orang Islam harus juga mengambil bahagian di dalam upacara memberi kehormatan yang tersebut di atas itu dengan berniat kerana memberi kehormatan kepada pejuang-pejuang Islam yang telah terkorban itu.
3. Adalah pada pandangan orang-orang awam terpulanglah kepada mereka.

*(28 September 1961)*



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1963**

## 2. HUKUM MEMBUAT BINAAN DAN MENANAM MAYAT DI ATAS KUBUR YANG SAMA

1. Apakah hukum membina sesuatu binaan (tidak boleh diubah) di atas kubur Wakaf Am?
2. Apakah hukum menanam mayat di tempat yang sama dan telah reput mayatnya?

### **Keputusan :-**

1. Membina suatu binaan yang tetap (tiada boleh diubah) di atas kubur Wakaf Am, adalah tiada lulus pada hukum Syarak.
2. Menanam mayat di atas tempat mayat yang lama (kubur asal) yang sudah hancur adalah lulus pada Hukum Syarak.

*(1 April 1963)*

## 3. HUKUM MEROBOKHAKAN MASJID


Apakah hukum merobohkan masjid dan bagaimana menguruskan barang masjid yang tidak boleh digunakan lagi?

### **Keputusan :-**

1. Berkenaan dengan bekas tapak masjid yang lama setelah direbankan (dirobohkan), maka di atasnya hendaklah didirikan masjid yang baharu. Jika masjid yang hendak didirikan itu lebih besar bolehlah diluaskan lagi.

2. Segala perkakas-perkakas (peralatan) masjid yang lama hendaklah digunakan pada masjid yang baharu, yang mana tidak boleh dipakai bolehlah dijual dan wang harganya itu hendaklah digunakan pada masjid yang baharu itu.

( 2 April 1963)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1966**

#### 4. HUKUM MEMBUAT BINAAN TIDAK KEKAL DI ATAS KUBUR

Apakah hukum membuat binaan tidak kekal di atas kubur Wakaf Am dengan menggunakan perbelanjaan sebanyak \$2,200.00?

##### Keputusan :-

Pendapat Sahibul Fadhilah Tuan Mufti dan Tuan Haji Mansur, Ahli Jawatankuasa Syariah pada binaan yang boleh dibuka (binaan tidak kekal) di atas kubur Wakaf Am.

1. Jika binaan itu tiada menjadi *تضيق* (sempit) iaitu boleh digunakan mengkubur mayat yang lain pada tempat itu, hukumnya harus.
2. Perbelanjaan binaan itu, iaitu sebanyak \$2,200.00 itu adalah membazir (haram).

Siapa yang membuat binaan seperti itu apabila diperintah membuangnya oleh yang berkenaan. Hendaklah dibuangkan binaan itu.

(16 Februari 1966)

#### 5. HUKUM MENGGUNAKAN WANG FAEDAH

1. Adakah wang faedah itu lulus diguna untuk sebarang kerja-kerja kami termasuk perbelanjaan makan minum masa mesyuarat?

2. Jika sekiranya wang faedah itu tidak lulus untuk makan minum bolehkah diguna untuk membayar pendaftaran syarikat dan membeli alat-alat untuk pejabat dan lain-lain barang?
3. Bolehkah wang itu juga diberi sebagai derma bagi kanak-kanak miskin dan cara-cara kebajikan yang lain?

**Keputusan :-**

Pendapat Sahibul Fadhilah Tuan Mufti dan Tuan Haji Mansur, Ahli Jawatankuasa Syariah. Wang faedah itu bolehlah digunakan bagi perkara (3) yang tersebut di atas sahaja.

**(18 Februari 1966)**

**6. LENCANA MENGANDUNGI CROSS (SALIB)**

Apakah hukum memakai lencana bertanda *cross* (salib)?

**Keputusan :-**

Dirujuk kepada surat tuan bertarikh 15 Februari 1966 bersabit dengan perkara yang tersebut di atas, Sahibul Fadhilah Tuan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju memberitahu tuan bahawa lencana mengandungi *cross* (salib) itu tiada lulus dipakai oleh orang-orang Islam pada hukum Syarak.

**(23 Februari 1966)**

## 7. PENGAMBILAN MILIK TANAH UNTUK MEMBINA TALI AIR DI KAWASAN PASIR GEBU SEBERANG PERAI UTARA

1. Jurutera Parit Dan Tali Air Negeri Pulau Pinang, telah bercadang hendak melaksanakan suatu tali air di kawasan Pasir Gebu, Seberang Perai Utara, dan perkara ini telah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan, Pulau Pinang yang mana kelulusan pengambilan tanah untuk rancangan tersebut sudah diberi kepada Pemungut Hasil Tanah, Butterworth, mengikut suratnya PSUN/PP/12868(3) bertarikh 4 Mac 1966.
2. Dalam perkara tersebut, adalah sebahagian tanah daripada Lot. 72, Mukim 1, P.W.N, seluas lebih kurang Oa. 3r. 04p. telah terlibat dan tanah ini ialah hak milik Lembaga Wakaf Orang-Orang Islam dan Hindu Pulau Pinang (Muhammadin & Hindu Endowments Board, Penang). Oleh kerana menurut satu dasar Kerajaan yang tanah-tanah Lembaga Wakaf tidak boleh diambil sebelum mendapat fatwa daripada Majlis Ugama Islam Pulau Pinang, maka dengan ini saya pohonkan kebenaran supaya pengambilan tanah daripada lot yang berkenaan itu dapat diluluskan oleh pihak Lembaga Wakaf. Juga dimaklumkan adalah rancangan tali air ini boleh memberi faedah bersama kepada tuan-tuan tanah sawah di sekeliling kawasan Pasir Gebu dan juga sekelian mereka yang mengerjakan tanah-tanah sawah itu yang mana sejumlah besar dari bilangannya adalah terdiri daripada orang-orang Melayu.
3. Saya rasa sangat sukacita jika kebenaran dapat diluluskan dengan seberapa segera yang boleh supaya bicara mengenai hendak mengambil tanah itu ditetapkan pada 14 Jun 1966 jam pukul 10.00 pagi.

### **Keputusan :-**

Sahibul Fadhilah Tuan Mufti Kerajaan Negeri mengatakan tanah wakaf itu boleh digunakan untuk membina tali air yang tersebut.

**(10 Mei 1966)**

### **8. BINAAN DI ATAS MAKAM**

Adalah saya dengan beberapa hormatnya memohon kebenaran daripada tuan iaitu hendak membinakan sebuah dapor (binaan kepuk) yang boleh dibuka (dipindah) untuk makam Allahyarham ayahanda mertua saya Haji Abdul Latiff bin Mohd Arif Khan di tanah perkuburan Dato' Keramat, Perak Road.

### **Keputusan :-**

Dengan hormatnya dirujuk kepada surat tuan bertarikh 19.7.66 bersabit dengan binaan dapor (binaan kepuk) yang boleh dibuka, lebarnya tiada lebih dari 2 kaki dan panjangnya tiada lebih dari dua batu nisan kepala dan kaki itu adalah di sisi hukum Syarak bahawa Sahibul Fadhilah Tuan Mufti telah menerangkan tiadalah menjadi halangan dengan syarat di tempat (makam) itu boleh digunakan bagi mayat-mayat yang lain kemudianya. Makam itu hendaklah dibuang apabila diperintah berbuat demikian oleh pihak yang berkuasa.

**(26 Julai 1966)**



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1968**

## 9. PERKARA ZAKAT DI DALAM SYARIKAT

Syarikat pinjam-meminjam ada menyimpan wang di dalam bank pada masa ini lebih dari \$2,000.00. Syarikat ini telah tertubuh lebih dari 5 tahun dan wang tersebut bukanlah wang simpanan tetap, wang ini sentiasa masuk dan keluar dengan tidak ditentukan masa.

1. Adakah syarikat ini diwajibkan mengeluarkan zakat?
2. Bagaimanakah cara-caranya?

### **Keputusan :-**

Syarikat ini bukan syarikat *Syar'iyyah* yang diakui sah (mengikut hukum Syarak). Ia hanya sebagai satu pakatan mengumpulkan wang untuk berbuat khairat memberi hutang lebih kurang samalah dengan syarikat mati (khairat kematian) yang berjalan di negeri kita, jadi tiada dikenakan zakat.

*(12 Februari 1968)*

## **10. MENGHADIAH KALUNGAN BUNGA KEPADA KEMATIAN DAN MENGHADIAH KEPADA PERKAHWINAN ORANG YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM OLEH ORANG ISLAM**

Mulai tahun 1965 Lembaga Muhibbah Taman Brown (LMTB) ini telah mengamalkan satu peraturan dengan persetujuan penduduk Taman Brown yang berbilang keturunan dan ugama itu bahawa apabila ada kematian dan perkahwinan apa-apa keturunan dan ugama maka pihak LMTB akan memberi tanda mata atau tanda takziah.

Maka bagi perkahwinan akan diberi mata benda dan kepada kematian jika Islam diberi "bunga jalla" dan jika bukan Islam diberi sekalung bunga kalung, perbuatan ini tidak menjadi bantahan dari mana-mana pihak pun.

Maka pada tahun ini pihak LMTB mendapat tentangan daripada pihak Badan Kebajikan dan Khairat Mati Orang-Orang Islam Taman Brown yang memang sudah ada tertubuh pada tahun 1965 itu. Tentangan badan yang tersebut dengan alasan, "bahawa pungutan sukerela memberi derma kahwin dan derma kematian yang tersebut adalah melibatkan ugama dan ini adalah menyinggung dan menyentuh tatasusila ugama Islam". Fahaman yang serupa ini sedang direbakkan (sebar) kepada orang-orang Islam Taman Brown ini.

Sekiranya perkara ini tidak diberi penjelasan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri ini maka akan terjadilah satu perbalahan dan salah faham serta keruhlah perpaduan antara kaum di kawasan ini. Fahaman ini akan merebak pula ke lain tempat bagi orang yang fanatik Ugama Islam terutama bagi orang yang ada satu tujuan khas untuk memecahbelahkan perpaduan kaum di Malaysia ini. Oleh itu, pihak LMTB berharap mendapat penjelasan daripada pihak

tuan yang bertanggungjawab dari segi undang-undang negeri dalam hal ugama Islam.

Maka bagi meringkaskan untuk mendapat penjelasan adalah dibuat seperti soalan-soalan seperti yang tersebut di bawah ini :-

1. Adakah perbuatan menghadiahkan mata benda kerana meraikan perkahwinan orang yang bukan Islam sama ada jiran atau tidak itu meyinggung dan menyentuh tatasusila ugama Islam dan dengan itu adakah perbuatan itu satu kesalahan di sisi ugama Islam, serta apakah hukumnya bagi orang Islam yang melibatkan dirinya dengan perkara ini?
2. Apakah perbuatan memberi kalungan bunga tanda tak ziah kerana kematian sama ada jiran atau tidak, orang yang bukan ugama Islam itu meyinggung dan menyentuh tatasusila ugama Islam dan dengan itu adakah perbuatan itu menjadi kesalahan di sisi ugama Islam serta apakah hukumnya bagi orang Islam yang melibatkan dirinya dengan perkara ini?

### **Keputusan :-**

Saya berpendapat adalah pada kedua-dua soalan yang di atas itu tiada tegahan jika bertujuan mengelakkan daripada berpecah belah dan menarik mereka ke ugama Islam. Dibandingkan di atas nas yang ada tersebut di dalam kitab fiqh iaitu harus menziarahi orang-orang sakit dan mengiringi jenazah mereka dengan tujuan yang tersebut di atas.

*(12 Mac 1968)*



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1969**

## 11. BILIK YANG DIJADIKAN MUSOLLA

Majlis Bandaraya Georgetown Pulau Pinang sedang mempertimbangkan permohonan dari salah sebuah jabatan kami untuk menukar kegunaan sebuah bilik makan menjadi bilik sembahyang. Majlis berbesar hati untuk mendapat bantuan tuan atas perkara ini. Sila beritahu dari ugama Islam akan syarat-syarat untuk menjadikan sebuah bilik itu sebagai bilik sembahyang. Majlis juga ingin mendapat penjelasan daripada jabatan tuan mengenai dua perkara yang berikut :-

1. Adakah apa-apa larangan untuk bilik itu ditukarkan balik menjadi sebuah pejabat atau kegunaan lain setelah ianya dijadikan bilik sembahyang?
2. Perlukah diadakan apa-apa istiadat sebelum bilik itu diisytiharkan sebagai bilik sembahyang?

### Keputusan :-

Sukacita saya memaklumkan bahawa :-

1. Tidaklah ada syarat-syarat khas untuk menjadikan sesebuah bilik itu sebagai tempat orang bersembahyang melainkan tempat-tempat sedemikian itu hendaklah dijaga kebersihannya sepanjang masa.
2. Tidaklah menjadi larangan pula sekiranya sesebuah bilik yang telah diguna sebagai tempat orang bersembahyang ditukarkan gunanya kepada kegunaan yang lain, jika tempat itu tidak diwakaf khas bagi maksud tersebut.
3. Tiada perlu diadakan apa-apa istiadat.

Sukacita saya memaklumkan bahawa pegawai-pegawai dari pejabat ini telah sanggup untuk melawat ke tempat itu bagi menentukan arah kiblatnya.

(14 Februari 1969)

## 12. PERKAHWINAN YANG MELIBATKAN PASANGAN BERLAINAN AGAMA

Bolehkah seseorang muslim berkahwin dengan seorang bukan muslim yang beragamakan Kristian iaitu (Katolik) dengan tidak masing-masing bertukar ugama iaitu secara mengikut ugama masing-masing?

### Keputusan :-

Sungguhpun halal dan sah seorang lelaki Islam berkahwin dengan perempuan *Kitabiah* (كتيبة) iaitu Yahudi dan Nasrani disyaratkan kepada Yahudiah bahawa keturunan mereka masuk ke agama ini sebelum dibangkitkan Nabi Isa a.s. dan pada Nasraniah bahawa hendaklah diketahui dengan yakin keturunan mereka masuk ke dalamnya sebelum dibangkitkan Nabi Muhammad SAW mengikut syarat-syarat ini. Saya berfahaman adalah perempuan-perempuan *Kitabiah* yang ada sekarang ini sukar hendak memenuhi syarat-syarat ini.

(12 Mac 1969)

### 13. ZAKAT TANAMAN

Syarikat Kilang Padi Bekerjasama Sg. Acheh Dengan Tanggungan Berhad ingin menanyakan berkenaan zakat dalam syarikat kilang padi tersebut :-

1. Adakah dikenakan zakat dalam syarikat tersebut.
2. Jika diwajibkan zakat, adakah berdasarkan keuntungan, modal, harta-harta yang terkumpul, saham daripada ahli-ahli dan sebagainya.

Catatan :	Bilangan Ahli	206 orang
	Saham	\$12,500/=
	Modal Pusingan	\$10,000/=

#### Keputusan :-

1. Wajib dikeluarkan zakat.
2. Jika cukup *haul* (حول) iaitu cukup setahun, dinilai sekali dengan harta perniagaan itu dan jika sampai *nisab* maka dikenakan zakat tanpa mengikut kadar syer ahli-ahli syarikat.

(Jun 1969)

## 14. SEMBAHYANG ZOHOR YANG MENGIRINGI SEMBAHYANG JUMAAT

Kami Jawatankuasa Masjid (Lembaga Lebai Tahir, Butterworth) telah membuat ketetapan meminta tuan memberi penjelasan berkenaan masalah sembahyang Jumaat kemudian diiringi dengan sembahyang Zohor yang biasa dilakukan di masjid ini. Perkara ini telah beberapa lama menjadi perbalahan antara ahli-ahli qaryah ini sehingga ada pihak-pihak yang mengambil peluang ini untuk meninggalkan Jumaat.

### **Keputusan :-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah pada 23 Julai 1969 berpendapat adalah seperti berikut :-

1. Mengikut nas di dalam kitab *Hashiah Tuhfatul Muhtaj* juzuk 2, muka surat 421, tempat yang boleh mendirikan fardu Jumaat adalah tiga tempat iaitu :-
  - i. *Misra* (daerah yang ada Hakim Syarak, adat dan pekan).
  - ii. *Balad* (tempat yang ada salah satu daripada Hakim Syarak, adat atau pekan).
  - iii. Qaryah (tempat yang tidak ada seperti perkara-perkara di atas).
2. Jawatankuasa Syariah berpendapat untuk memelihara *Qaul* harus berbilang-bilang Jumaat kerana hajat di dalam *Balad*.

3. Maka iring (solat) Zohor selepas (solat) Jumaat tidak ditegah, kerana meraikan perkara 2. Jawatankuasa dengan sebulat suara berpendapat bahawa bagi Masjid Bagan Lebai Tahir iring (solat) Zohor selepas (solat) Jumaat tidak ditegahkan.

(30 Julai 1969)

## 15. NISAB ZAKAT & SUKATAN FITRAH

Mohon penjelasan mengenai isu berikut :

1. *Nisab* mata wang Malaya ialah \$365.36¢ dengan jalan dinilai kepada harga emas mengikut kiraan tuan, sedangkan Perak itu daripada zakat *ain* nya mengikut berat dirinya iaitu 200 dirham zakatnya 2.5%, mengikut kiraan itu, adalah menjadi *nisab* mata wang Malaya yang biasa dikira di sini ialah lebih kurang \$24/= ataupun, adakah mata wang Malaya itu namanya sahaja ringgit dan pada hakikatnya emas?
2. *Nisab* biji-bijian, mengikut kiraan tuan ialah 206.82  $\frac{1}{4}$  gantang walhal pada biasanya kiraan di sini ialah 358 gantang 1 cupak dan 1 kepol, yang menjadikan perbezaannya sangat jauh.

### Keputusan :-

Adalah benar wang mata Malaysia sekarang hanya pada namanya sahaja Adalah benar wang mata Malaysia sekarang hanya pada namanya sahaja iaitu (Perak) sedang ibunya adalah emas iaitu tiap-tiap satu ringgit menyamai 0.290299 grains emas. Dengan yang demikian saya berpendapat bahawa kiraan *nisab*nya perlulah mengikut emas iaitu 20 *mithkal* yang menyamai 20 mayam dan 4.76529996 saga. Walau bagaimanapun *nisab* \$365.36 itu bukan

harga 20 mayam dan 4 saga itu tetapi adalah jumlah itu (\$365.36) hasil dari penyamaan satu ringgit dengan 0.290299 grains itu. Dan harga emas di pasaran tidak boleh dijadikan asas perhitungan kerana tiada tetap.

Adalah benar  $206.82\frac{1}{4}$  gantang padi menjadi nisab padi sangatlah sedikit dan ini mendatangkan lebih berat kepada petani-petani yang miskin. Tetapi itulah yang telah timbul daripada kiraan itu dan saya ingin benar supaya jumlah itu lebih besar lagi supaya meringankan petani-petani dan menjadikan galakan kepada mereka membayar zakat. Hanya perhitungan kita perlulah berdasarkan kepada asas yang nyata dan tidak dengan agak-agak. Sebagaimana kebanyakan sukanan di masa lalu dengan menggunakan gantang yang dibawa dari luar negeri maka pada saya adalah masih terlalu samar kerana membawa sukanan itu bukan pihak rasmi hanya pihak perseorangan.

*(26 November 1969)*



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1970**

## 16. HUKUM MENGGUNAKAN WANG FAEDAH (INTEREST)

Ada pegawai-pegawai yang menyimpan wang dalam Pejabat Pos dan mereka ini juga mengeluarkan wang simpanannya apabila sesak. Pendeknya wang simpanan itu tidaklah tetap di dalam simpanan. Pada tiap-tiap tahun Pejabat Pos ada memberi faedah (*interest*) sebanyak 4% di atas wang simpanan.

1. Adakah sah pada sisi ugama bagi si penyimpan wang itu menerima wang faedah yang diberikan?
2. Adakah wang simpanan yang selalu keluar masuk itu dikenakan zakat, sekiranya ya, bagaimanakah peraturan mengeluarkan zakat tersebut?

### Keputusan :-

1. Wang faedah sedemikian itu harus diterima tetapi hendaklah digunakan bagi *maslahah ammah* (مصلحة عامة).
2. Simpanan yang cukup nisab yang dibekukan selama setahun (hijriah) adalah diwajibkan zakat dan kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5%.

(11 Februari 1970)

## 17. MENERIMA WANG FAEDAH

Ada juga pegawai-pegawai yang menyimpan wang di dalam Syarikat Jermat Cermat dan meminjam wang, boleh kata pegawai-pegawai yang menyimpan wang di dalam syarikat, jarang-jarang sekali meminjam wang dari syarikatnya. Pada tiap-tiap tahun syarikat itu ada mengeluarkan faedah (dividen) sebanyak 5%.

1. Adakah sah bagi pegawai-pegawai itu menerima wang faedah dari syarikat itu?
2. Seorang pegawai ada menyimpan wang di dalam syarikat sebanyak \$10,000/= dan ia menerima wang faedahnya sebanyak \$500/= iaitu (5% faedah) pegawai ini tidak meminjam wang pun. Harap terangkan adakah pegawai ini dikenakan zakat di atas wangnya, jika kena, berapakah zakatnya?

### Keputusan :-

1. Hendaklah menerima wang faedah dan digunakan bagi *maslahah ammah* (مصلحة عامة).
2. Simpanan \$10,000/= di dalam syarikat itu apabila genap haulnya setahun hijri diwajibkan zakat sebanyak 2.5% dan tiap-tiap tahun keuntungan daripada saham yang dijalankan oleh syarikat itu mulai daripada dimasukkan ke dalam modal pokok apabila genap haulnya setahun dikenakan zakat sebanyak 2.5% pula di atas keuntungannya itu, demikianlah seterusnya.

(11 Februari 1970)

**18. PERMOHONAN FATWA BERKENAAN PEMBINAAN MASJID DENGAN WANG KERAJAAN**

Apakah hukum membina masjid dengan menggunakan wang kerajaan?

**Keputusan :-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri bersetuju bahawa wang kerajaan harus digunakan untuk membina masjid.

*(11 Februari 1970)*

**19. HUKUM MENJUAL MADRASAH YANG LAMA DI MENGKUANG TITI, BUKIT MERTAJAM DAN WANGNYA ITU AKAN DIGUNAKAN BAGI KEPERLUAN MADRASAH YANG BAHRU**

Apakah hukum menjual madrasah yang lama dan wangnya itu akan digunakan bagi keperluan madrasah yang baharu. Apakah cita-cita kami diluluskan oleh agama dan undang-undang negeri?

**Keputusan :-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri telah memutuskan jika bangunan lama itu diwakafkan dan tidak boleh digunakan lagi sebagai sebuah madrasah, maka bolehlah dijualkannya dan wangnya itu hendaklah digunakan semata-mata buat membeli perkakas bangunan madrasah yang baharu. Sebaliknya jika bangunan lama itu tidak diwakafkan maka terpulanglah kepada jawatankuasa madrasah itu untuk mengambil sebarang langkah yang difikirkan sesuai.

*(11 Februari 1970)*

## 20. FATWA MENGENAI ZAKAT PERNIAGAAN

Adakah harta-harta yang berikut di bawah ini masuk *nisab* zakat?

1. Nilaian harga rumah perniagaan.
2. Jentera dan kilang.
3. Perkakas-perkakas pejabat dan jentera.
4. Harta (tanah yang dibeli untuk tapak kilang).

### **Keputusan :-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan nilaiain rumah tempat perniagaan, jentera, perkakas-perkakas pejabat, tanah tapak kilang yang tidak masuk dalam perniagaan tidak kena zakat. Modal yang digunakan untuk membeli padi dan menjual padi jadi perniagaan dan wajiblah zakat bila cukup *haul* dan sampai *nisab*.

**(25 Mac 1970)**

## 21. SEMBAHYANG SEBELUM MASUK WAKTU

Sekiranya seseorang itu sembahyang, kurang lima minit adakah telah masuk waktunya? Umpamanya waktu Zohor Majlis Ugama jam 1.05 tetapi pukul 1.00 telah sembahyang yakni belum sampai lagi masanya.

### Keputusan :-

Tidak sah kerana belum masuk waktu.

(25 Mac 1970)

## 22. MASJID LAMA YANG DIROBOHKAN

1. Apakah hukum Syarak mengenai meruntuhkan masjid lama untuk dibina masjid baharu?
2. Adakah harus menjual batu-batu yang diruntuhkan dan kayu-kayunya dijual kepada sesiapa saja dan wang jualan itu digunakan untuk masjid yang baharu?
3. Adakah harus diberikan atau dihibahkan batu-batu runtuhan dan kayu-kayunya pun diberikan kepada mana-mana masjid yang memerlukannya?
4. Adakah harus diberikan atau dihibahkan benda-benda tersebut kepada mana-mana pihak selain daripada kegunaan masjid seperti kegunaan untuk tanah wakaf?
5. Adakah harus membakar kayu-kayu masjid yang sudah buruk dan reput kerana benda-benda tersebut tidak ada kegunaan yang tertentu dan tiada manfaatnya?

6. Adakah harus menyewakan tanah-tanah wakaf kepada orang kafir untuk menjalankan hal-hal yang bersangkutan dengan perniagaan ?

### **Keputusan :-**

1. Pada pendapat Jawatankuasa Syariah, meruntuh masjid lama yang tidak boleh digunakan, bagi dibina masjid baharu di atas tapak itu adalah lulus pada hukum Syarak.
2. Pada pendapat Jawatankuasa Syariah, batu-batu dan kayu-kayu yang tidak boleh digunakan semula pada masjid baharu hendaklah digunakan di masjid-masjid lain yang berkehendak dan jika tidak ada masjid yang berkehendak maka bolehlah dijual dan harganya dibeli ganti yang baharu bagi seumpama itu juga untuk masjid yang baharu mengikut pandangan Imam Nawawi dan Imam ar-Rafiee.  
*(Kitab I'anah al-Tholibin, Juzuk 3, muka surat 180).*
3. No. 3, 4 dan 5 seperti jawapan di No.2.
4. Pada pendapat Jawatankuasa Syariah, soalan ini terpulang kepada Nazir yang berkuasa asalkan tidak hilang milik dan tidak mengubah tujuan wakaf.

***(25 Mac 1970)***

**23. PERMOHONAN JOSEPH RAJAN & CHE' OOI SAW LEAN HENDAK MENDAFTAR SEORANG ANAK LELAKI ISLAM SEBAGAI ANAK ANGKAT MEREKA**

Permohonan Joseph Rajan & Che' Ooi Saw Lean hendak mendaftar seorang anak lelaki Islam sebagai anak angkat mereka?

**Keputusan :-**

Mengikut hukum ugama Islam maka tidak dibolehkan seorang anak Islam dijadikan anak angkat kepada orang yang bukan Islam dan tidak ada hak peliharaan bagi orang bukan Islam di atas kanak-kanak Islam.

*(19 Jun 1970)*

**24. SEMBAHYANG JEMAAH WANITA DI SEBALIK TIRAI MASJID**

Berkenaan orang perempuan berjemaah di dalam masjid bersama-sama lelaki tetapi ada menyekat kain tirai panjang sampai tidak nampak rupa orang itu (maknum di hadapan)?

**Keputusan :-**

Maknum yang di dalam lengkungan kain itu boleh dan sah mengikut imam jika diketahui perbuatan imam dengan mendengar suaranya atau sebagainya.

*(5 Ogos 1970)*

## 25. SEMBAHYANG JUMAAT

Saya Husin bin Amin selaku Pengerusi di kawasan Lumba Kuda, Batu Gantung menerima arahan dari jawatankuasa terdiri daripada 13orang juga penduduk-penduduknya yang bermastautin di situ seramai lebih kurang 200 orang, termasuk pekerja-pekerja selain daripada isteri dan anak-anak. Juga di atas permohonan kami itu untuk nak mendirikan sembahyang fardu Jumaat semoga Pejabat Agama Pulau Pinang dapat memberi kebenaran di atas permintaan kami itu. Kini permintaan kami yang pertama secara berhadapan saja Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Maliki nampaknya tidak dapat jawapan. Kini yang kedua kalinya permintaan kami dengan secara memakai hitam putih kerana sebab-sebab jika menjelang hari Jumaat hendak menunaikan fardu Jumaat sangat-sangat susahnya, yang pertama (jarak) dua batu terpaksa jalan kaki ke Masjid Dhoby Ghaut dan juga tidak ada bas atau kenderaan lain. Dan masjid yang berdekatan di kawasan kami itu dapatlah kami adakan sembahyang setiap hari Jumaat supaya tidak membuang masa untuk kewajipan kami di situ, almaklumlah pekerja kuda bukanlah boleh ditinggal-tinggalkan. Berikanlah dengan hasrat yang baik itu serta suci. Kami berharap dapat jawapan dengan sepenuh hati, terima kasih.

### Keputusan :-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah berpendapat tidak cukup syaratnya bagi meluluskan permohonan tuan dari segi hukum Syarak.

*(16 Oktober 1970)*

## 26. QADHA SEMBAHYANG FARDU

1. Adakah seseorang yang mempunyai qadha yakni ia telah meninggalkan sembahyangnya beberapa lama dahulu dan kini belum selesai ia membayarnya tidak dibolehkan sembahyang sunat?
2. Adakah sembahyang sunat yang tertentu sahaja yang orang seperti di atas itu boleh buat?
3. Benarkah seseorang yang mempunyai qadha, jika ia sembahyang sunat, maka hukumnya haram lagi tidak sah?

### Keputusan :-

1. Tidak harus sembahyang sunat di atas seseorang yang ada di atas dirinya qadha sembahyang fardu yang ditinggalkan dengan tiada uzur, tetapi hendaklah dipenuhi sekalian masa lapangnya itu dengan mengerjakan qadha, selain daripada masa yang penting bagi dirinya seperti tidur atau mencari kehidupan dan sebagainya.

(*Kitab Fathul Mu'in, Juzuk 1, muka surat 12 menyatakan :-*

وَيُبَدِّلُ مَنْ مَرَ (ِفَقَاتِتِ) وُجُوبًا إِنْ فَلَتْ بِلَا عُذْرٍ، فَيَلَّمُهُ الْقَضَاءُ فَوْرًا! قَالَ شِيخُنَا أَحْمَدُ بْنُ حَجَرٍ رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى : وَالَّذِي ظَهَرَ أَنَّهُ يَلَّمُهُ صَرْفُ جَمِيعِ زَمْنِهِ لِلْقَضَاءِ مَا عَدَا مَا يَحْتَاجُ لِصَرْفِهِ فِيمَا لَا بُدُّ مِنْهُ، وَأَنَّهُ يَحْرُمُ عَلَيْهِ النَّطَّوْعَ

Maksudnya :

*"Dan wajiblah segera menunaikan sembahyang yang telah ditinggalkan tanpa keuzuran secara qadha, dan berkata guru kami Ahmad Ibn Hajar : Hendaklah dipenuhi sekalian masa yang dia ada dengan mengqadha sembahyang yang ditinggalkan, kecuali pada waktu yang diperlukan untuk dirinya sahaja dan haram baginya menunaikan sembahyang sunat."*

2. Tiada boleh sebarang sunat kerana masanya itu hendaklah diisikan dengan fardu yang tuntutannya lebih kuat daripada tuntutan sunat.
3. Tiada benar tetapi yang sebenarnya haram serta sah sembahyang itu atasnya yang muktamad.

*(4 November 1970)*

## **27. HAK PENJAGAAN ANAK**

Seorang isteri telah meninggal dunia dan meninggalkan empat (4) orang anak serta suami. Selepas kematiannya anak-anak itu telah dipelihara oleh saudara lelaki si mati dengan tidak ada bantahan oleh bapa kanak-kanak itu, bahkan memberi nafkah kepada anak-anaknya itu. Setelah beberapa lama timbul pertelingkahan antara bapa kanak-kanak itu dengan si pemelihara dan si bapa terus membuat tuntutan supaya anak-anaknya itu dikembalikan kepadanya, tetapi anak-anaknya itu sendiri enggan untuk tinggal bersama-sama bapa mereka dengan alasan mereka tidak akan dapat meneruskan pelajaran mereka jika tinggal bersama-sama bapa mereka. Oleh itu, siapakah yang lebih berhak memelihara anak-anak terbabit?

### **Keputusan :-**

Bagi menentukan orang-orang yang berhak menerima anak untuk dipelihara adalah mengikut keutamaan di bawah ini :-

1. Ibu.
2. Emak kepada ibu.
3. Bapa.
4. Emak kepada bapa.
5. Saudara perempuan kepada anak-anak.
6. Emak saudara sebelah emak.
7. Anak perempuan bagi saudara perempuan.
8. Anak perempuan bagi saudara lelaki.
9. Emak saudara sebelah bapa.

(*I'anah al-Tholibin*, Juzuk 4, halaman 101 dan 102)

**(9 Disember 1970)**



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1971**

## 28. MENGELOUARKAN MANI DENGAN TANGAN

Apakah hukum mengeluarkan mani dengan tangan?

**Keputusan :-**

1. Mengeluarkan mani dengan tangan adalah haram selain daripada mengeluarkan dengan tangan isteri atau gundik (hamba).
2. Jalan bagi melepaskan daripada kesalahan yang telah berlaku hendaklah tinggalkan perbuatan itu dan menyesal di atas perbuatan yang telah lalu dan jangan bercita-cita lagi hendak melakukan pada masa hadapan.
3. Cara bagi mengurangkan syahwat jika tiada mampu berkahwin hendaklah berpuasa.

**(17 Mac 1971)**

## 29. MANI BERADAS

Bagaimakah kedudukan anak-anak lembu, kambing dan sebagainya yang dilahirkan menerusi “mani beradas” (*artificial assemulation*) dari sudut Syarak? Sah atau tidak binatang-binatang ini dilakukan korban atau akikah.

**Keputusan :-**

Jawatankuasa Syariah berpendapat dari segi hukum Syarak adalah sah binatang tersebut dijadikan korban dan akikah apabila menepati syarat-syaratnya seperti mana yang tersebut di dalam kitab-kitab fiqh.

**(21 Jun 1971)**

## 30. SEMBAHYANG JUMAAT DI LUAR QARYAH

Apakah hukum seseorang yang menunaikan sembahyang Jumaat di luar qaryah ketika dia bekerja di luar kawasan (*out station*)?

**Keputusan :-**

Harus bagi seseorang itu menunaikan sembahyang Jumaat di tempat di mana dia berada (di luar dari qaryahnya) semasa menjalankan tugas.

**(14 Disember 1971)**

## 31. HARTA PUSAKA SALIMAH BT. HJ. MUSA

Wang sebanyak \$838.50 termasuk dalam harta pusaka si mati iaitu sebahagian wang ganjaran daripada Allahyarham Ghazali bin Haji Othman (seorang anak kepada si mati), bekas pengawal Kastam dan Eksais Diraja yang dibahagikan kepada si mati tersebut semasa si mati masih hidup lagi.

Harta si mati Salimah bt. Hj. Musa telah dibicarakan dan Pemungut Hasil Tanah, Balik Pulau pun telah keluarkan satu perintah, satu salinan disertakan bersama-sama ini (lampiran A). Wang ganjaran itu sebanyak \$838.50 tidak termasuk dalam Perintah Pemungut kerana pada pendapat saya patut dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusaka Ghazali bin Haji Othman yang masih belum dibahagikan pada masa itu. Salimah bt. Hj. Musa belum lagi meninggal dunia (*regarded as part of the undistributed Estate of ghazali on the subsequent death of Salimah bt Hj. Musa*) (*That is the distrubative share of Salimah automatically lapse on the death of Salimah*). Dengan itu waris-waris atas harta pusaka Ghazali pun sepatutnya memasukkan wang \$838.50 sebagai harta pusaka Ghazali dan tuntutan-tuntutan dibuat berikut.

Pendapat pemungut terletak di atas dasar-dasar berikut :-

1. Wang sebanyak \$838.50 itu ialah sebahagian dari harta pusaka Ghazali (harta asal) yang diperuntukkan kepada Salimah bt. Hj. Musa ketika Salimah masih hidup.
2. Salimah bt. Hj. Musa pun meninggal dunia pada 2 Mei 1965 sebelum harta pusaka Ghazali dapat dibahagikan.
3. Satu Surat Kuasa (*Letter Of Administration* ) Petisyen Nombor 147/1965 bertarikh 8.7.1969 telah diberi kepada Che' Ramlah binti Hj. Abdul Aziz (isteri Allahyarham Ghazali) dan Siti Hawa binti Ghazali (anak perempuan) yang beralamat di 283-H, Circular Road, Bukit Gelugor, Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun pemohon Encik Md. Zain bin Hj. Othman dan Akauntan Negara (Bahagian Pencen) berpendapat bahawa jumlah wang \$838.50 tersebut sepatutnya termasuk sebahagian daripada harta pusaka Salimah bt. Hj. Musa.

### Keputusan :-

1. Wang ganjaran bagi arwah Ghazali bin Haji Othman berjumlah lebih kurang \$14,000 ditolak hutang tertunggak (tertanggung) lebih kurang \$3,000 yang baki dari wang itu dibahagikan mengikut undang-undang pencen dan janda yang mana sebahagian dari wang itu iaitu sebanyak \$838.50 adalah hak ibu yang bernama Salimah bt. Hj. Musa. Tetapi sebelum pembayaran dapat dibuat Salimah telah meninggal dunia. Ini adalah mengikut penjelasan Jabatan Kastam.
2. Jawatankuasa Syariah berpendapat, mengikut hukum Syarak bahawa Cik Salimah binti Haji Musa berhak mendapat sebahagian daripada harta peninggalan anaknya, Ghazali bin Haji Othman.

(15 Disember 1971)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1972**

## 32. HARTA SEPENCARIAN

Undang-undang No.3 Tahun 1959, Undang-Undang Pentadbiran ugama Islam, dalam bahagian Kuasa-Kuasa Mahkamah seksyen 40, seksyen kecil (3 ), (B)(iv) yang menyatakan “Pembahagian harta sepencarian di antara orang-orang yang hidup”.

Persoalannya :-

1. Takrif Harta Sepencarian di antara orang-orang yang hidup.
2. Jenis harta atau benda yang dianggap harta sepencarian.
3. Dasar pembahagian harta sepencarian.

**Keputusan :-**

1. Harta sepencarian ialah harta benda yang didapati bersama-sama oleh suami dan isteri dalam masa perkahwinan (mengikut takrif di dalam Undang-Undang Pentadbiran ugama Islam).
2. Menurut kitab *al-Syarqawi* dan *Nihayat al-Muhtaj* juzuk 4, halaman 6 menyatakan bahawa jenis harta atau benda yang dianggap harta sepencarian ialah rumah, perkakasan rumah, kenderaan, tanah dan sebagainya.
3. Dasar pembahagian harta sepencarian dibuat mengikut keadaan.

( 19 April 1972)

### 33. PERNIKAHAN YANG SAH

Adakah sesuatu nikah yang dijalankan dengan menurut kehendak-kehendak hukum Syarak itu sah sekalipun nikah itu tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam seksyen 114, 115 dan 116 Undang-Undang Pentadbiran ugama Islam tahun 1959?

#### **Keputusan :-**

Sesuatu nikah yang dijalankan dengan menurut kehendak-kehendak hukum Syarak adalah sah sekalipun tidak mengikut syarat-syarat seksyen 114, 115 dan 116 Undang-Undang Pentadbiran ugama Islam tahun 1959.

**(24 Mei 1972)**

### 34. IBU ANGKAT DI BAWAH ADAT RESAM DAN UNDANG-UNDANG ISLAM.

1. Adakah dikehendaki sesuatu *adoption* itu didaftar di bawah undang-undang sebelum dianggap sah dari segi adat resam atau undang-undang Islam. Jika dikehendaki, di bawah apakah undang-undang itu?
2. Jika pendaftaran boleh dikecualikan, apakah upacara adat resam yang perlu diadakan sebelum *adoption* itu diakui sah? Bilakah upacara adat resam itu hendak dijalankan?
3. Jika upacara adat resam boleh digantungkan, bagaimanakah cara sesuatu *adoption* menurut agama Islam dapat disahkan?

### **Keputusan :-**

1. No.1 & 2 tiada kaitan.
3. Bahawa seseorang yang diakui anak angkat kepada atau bagi seseorang, maka akuan itu adalah sah sekiranya tidak ada penafian dan bantahan daripada orang ramai.

**(24 Julai 1972)**

### **35. KEDUDUKAN BANGUNAN MASJID DAN TANAH PERKUBURAN QARYAH PERMATANG DAMAR LAUT**

Masjid Qaryah Permatang Damar Laut akan terlibat dalam rancangan pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang oleh kerajaan.

### **Keputusan :-**

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa Masjid Permatang Damar Laut yang terlibat di dalam rancangan pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas, harus dipindahkan kerana memandang kepada kemudharatan, kebahayaan dan ketakutan ke atas jemaah yang menggunakan bertambah pula rancangan pembesaran Lapangan Kapal Terbang itu adalah kemahuan kerajaan untuk kemajuan negeri dengan syarat :-

1. Tanah tapak masjid dan tanah perkuburan hendaklah digantikan (*istibdal*).
2. Tapak bangunan masjid dan kubur baharu itu hendaklah menjadi wakaf.

3. Tapak masjid dan tanah perkuburan lama hendaklah dihormati.
4. Kerajaan hendaklah membina masjid baharu di dalam qaryah itu juga sebagai gantinya.
5. Runtuhan-runtuhan dari masjid lama hendaklah diguna dalam pembinaan masjid baharu.

***(23 Disember 1972)***



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1973**

### **36. MENGKAJI SEMULA SURAT RAYUAN DARIPADA JAWATANKUASA BERTINDAK MASJID TASEK JUNJONG MENGENAI TANAH PERKUBURAN**

Jawatankuasa bertindak Masjid Tasek Junjong meminta supaya Jawatankuasa Syariah menimbang semula fatwa-fatwa yang diputuskan dahulu.

#### **Keputusan :-**

Segala rayuan dan alasan-alasan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Bertindak itu, Majlis telah menghalusi dengan sedalam-dalamnya maka tak dapat menerima dengan sepenuhnya, dan setelah perkara ini dikemukakan kepada Majlis dan Majlis telah pun membuat keputusan mengikut hukum Syarak yang mesti dipatuhi oleh umum. Dan hukum itu tak dapat diubah-ubah lagi. Tetapi malangnya oleh kerana memandang kepada perkara ini telah berlaku sebelum berjalan kuat kuasa Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan kerana memandang kepada muslihat perdamaian dan perpaduan, maka Majlis ini berpendapat seperti berikut :

1. Tanam-tanaman pokok baharu hendaklah diberhentikan seluruhnya.
2. Pokok lama itu hendaklah dipotong dengan cara beransur mengikut kegunaan perkuburan.
3. Pokok yang sekarang ini terdiri di atas kubur atau yang mengganggu kubur-kubur itu dengan akar-akarnya maka hendaklah dibuang dan dibersihkan.

*(1 Mac 1973)*

### 37. KANDUNGAN SURAT SETIAUSAHA QARYAH MASJID BAYAN LEPAS MENGENAI KAYU-KAYU MASJID

1. Kayu-kayu masjid yang telah diruntuhkan itu, bolehkah dijual atau terpaksa disimpan sahaja?
2. Kayu-kayu masjid yang telah diruntuhkan itu, bolehkah digunakan untuk menampung atau membaiki balai lintang yang rosak?
3. Adakah *qaul-qaul* yang boleh meluluskan kayu-kayu masjid boleh dijual atau yang boleh meluluskan digunakan untuk perkara-perkara yang tersebut di atas (1) dan (2).

#### Keputusan :-

1. Kayu-kayu yang masih boleh digunakan tidak harus dijual tetapi hendaklah digunakan kepada masjid itu juga atau perkara-perkara yang bersangkutan dengannya; seperti balai lintang atau membina pagar dan sebagainya.
2. Sama seperti di atas.
3. Sekiranya kayu-kayu itu tidak dapat digunakan seperti yang tersebut di atas, maka terdapat *qaul* (pandangan) yang membolehkan ia dijual dan harganya hendaklah dipulangkan kepada *maslahah* pembinaan masjid itu.

(1 Mac 1973)

## 38. PEMINDAHAN ANGGOTA MANUSIA

Apakah hukum memindahkan anggota-anggota manusia seperti mata, jantung dan buah pinggang daripada seseorang yang telah meninggal dunia kepada pesakit (orang yang masih hidup)?

### Keputusan :-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada 28 Mac 1973 berpendapat bahawa pemindahan anggota manusia seperti jantung, mata dan lain-lainnya adalah haram menurut agama Islam, sama ada pemindahan itu dibuat ketika hidup atau mati, berdasarkan nas :-

والأدمى يُحرم الانتفاع به وسائر أجزائه لكرمه  
(معنى المحتاج، جزء ١، ص ١٩١)

ويحرم إستعمال شيء من أجزاء الأدمى ولو مهدا  
(جمل منهاج باب شروط الصلاة)

*(18 April 1973)*

## 39. CADANGAN UNTUK MEMBINA 2 TINGKAT BANGUNAN MEMBELI BELAH DAN MASJID DI LOT. 3185 (11)6 T.S. NO. 16, JALAN MACALISTER, PULAU PINANG (MASJID SIMPANG ENAM)

Bolehkah ditukarkan tempat yang sentiasa dilakukan sembahyang dan digantikan menjadi suatu tempat untuk berniaga?

### Keputusan :-

Perkara ini telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang pada 4 Jun 1973. Keputusan Jawatankuasa Syariah

Negeri ialah seperti berikut :

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa pertanyaan yang dibuat oleh Pengguna Masjid Simpang Enam supaya diadakan bangunan 2 lapis, yang mana lapisan di bawah untuk perniagaan dan lapisan atas dijadikan tempat sembahyang (masjid) adalah berlawanan dengan hukum Syarak dan dengan itu cadangan tersebut tidak boleh dilaksanakan kerana pembinaan di bawah itu adalah disifatkan sebagai masjid juga.

(16 Jun 1973)

#### **40. WANG FAEDAH BANK UNTUK MEMBINA MASJID**

Bagaimakah pendapat tuan mengenai wang faedah bank digunakan untuk membina masjid?

**Keputusan :-**

Keputusan Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang yang bersidang pada 27 September 1973 ialah seperti berikut :

Majlis berpendapat bahawa faedah yang dikeluarkan oleh bank kepada ahli-ahli penyimpan adalah riba, maka oleh itu tidaklah harus digunakan untuk binaan masjid.

(29 September 1973)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1974**

## 41. MENGGANTIKAN KHATIB YANG SEDANG MEMBACA KHUTBAH

1. Adakah boleh khutbah yang pertama dibaca oleh si Ahmad. Manakala khutbah yang kedua dibaca pula oleh orang lain?
2. Jika khatib tidak dapat meneruskan khutbahnya oleh sebab seperti pitam atau sebab membatalkan wuduknya. Bagaimana aturan menggantikannya? Bolehkah disambung oleh penggantinya pada mana-mana yang diberhentikan?

### Keputusan :-

1. Boleh, jika tidak panjang penceraian atau pemisahannya di antara dua (2) khutbah itu.
2. Kalau khatib batal wuduknya boleh disambung olehnya selepas ambil wuduk. Kalau khatib pitam hendaklah dibuat semula khutbah itu olehnya atau penggantinya.

(15 Mei 1974)

## 42. SEMBAHYANG JUMAAT

Permohonan persatuan penuntut-penuntut yang beragama Islam di Universiti Sains Malaysia (USM) ingin memohon untuk mendirikan sembahyang Jumaat di surau dalam kampus universiti ini. Apakah pandangan di dalam hal ini?

### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi jawapan kepada pemohon persatuan penuntut-penuntut di USM tidak boleh disifatkan sebagai golongan yang bermastautin, maka tidak cukup syarat bagi mereka untuk mendirikan sembahyang Jumaat berasingan dari masjid yang berdekatan dengannya, kerana mastautin adalah salah satu syarat untuk mengesahkan sembahyang Jumaat didirikan secara berasingan.

*(4 September 1974)*

### **43. MERUNTUHKAN MASJID LAMA (PERMATANG TOK MAHAT)**

Permohonan kebenaran hendak meruntuhkan bangunan lama Masjid Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal dan perkakasannya disimpan untuk binaan masjid baharu.

### **Keputusan :-**

Mesyuarat bersetuju sebulat suara dengan memberi pandangan iaitu dengan berpandukan alasan-alasan yang diberi dalam surat permohonan itu. Maka bangunan masjid lama bolehlah diruntuhkan dan perkakasannya disimpan dalam kawasan masjid baharu dengan syarat tapak masjid lama hendaklah dikawal dan dihormati.

*(4 September 1974)*

#### **44. MENDIRIKAN BATU FERINGGHI KERAMAT**

Membentang perbuatan mendirikan batu peringatan keramat Haji Mawa Musa di Batu Feringghi yang menjadi tempat orang-orang Cina bersembahyang.

##### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara berpendapat iaitu kejadian itu tidak menyinggung kesucian Agama Islam dan memberi pandangan supaya ditegaskan kepada orang ramai, jangan menganggap batu peringatan itu sebagai keramat dimana orang-orang Islam boleh membuat nazar atau menghormatinya.

*(4 September 1974)*

#### **45. HASIL JUALAN MASJID LAMA (MASJID BATU FERINGGHI)**

Adakah boleh bahan-bahan bangunan masjid lama itu boleh dijual dan dengan hasil jualan itu diguna untuk binaan masjid baharu?

##### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi pendapat iaitu perkakas-perkakas masjid lama yang diroboh tidak boleh dijual sama sekali dan hendaklah digunakan semula kepada mana-mana masjid yang memerlukan. Sekiranya tiada masjid-masjid yang memerlukan perkakas-perkakas itu maka kemudian daripada itu bolehlah digunakan kepada binaan atau bangunan yang boleh mendatangkan faedah kepada masjid gantinya itu.

*(4 September 1974)*

## 46. MERUNTUHKAN MASJID LAMA (MASJID BATU FERINGGHI)

Permohonan daripada Jawatankuasa Qaryah Masjid Batu Feringghi sama ada bahan-bahan bangunan masjid lama itu boleh dijual dengan hasil dari jualan itu diguna untuk binaan masjid baharu?

### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi pendapat iaitu perkakas-perkakas masjid lama yang diroboh tidak boleh dijual sama sekali dan hendaklah digunakan semula kepada mana-mana masjid yang memerlukan. Sekiranya tiada masjid-masjid yang memerlukan perkakas-perkakas itu maka kemudian daripada itu bolehlah digunakannya kepada binaan atau bangunan yang boleh mendatangkan faedah kepada masjid gantinya itu.

*(4 September 1974)*

## 47. MELIHAT AL-QURAN SEWAKTU SEMBAHYANG

Adakah harus seorang Imam membaca surah-surah daripada al-Quran dengan melihat al-Quran semasa sembahyang dan apakah hukumnya?

### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju iaitu pada pendapat Jawatankuasa Syariah Negeri ini, harus membaca surah-surah daripada al-Quran dengan memandang dan melihat al-Quran ketika sembahyang.

*(20 November 1974)*

## **48. MEMBINA MASJID BAHARU (MASJID SUNGAI DURI)**

Permohonan kebenaran hendak membina sebuah masjid baharu dalam Qaryah Sungai Duri, berasingan daripada masjid qaryah yang sedia ada sekarang?

### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju bertanya kepada Qadhi Daerah Nibong Tebal sebab-sebabnya perlu dibina masjid baharu dan bagaimana pula kedudukan masjid lama.

*(20 November 1974)*

## **49. MEMBINA MASJID BAHARU (MASJID SUNGAI ARA).**

Cadangan Jawatankuasa Qaryah Masjid Sungai Ara hendak membina masjid baharu berasingan daripada masjid qaryah yang ada sekarang?

### **Keputusan :-**

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meminta Y.B Tuan Haji Ahmad Bin Haji Abdullah, ahli Jawatankuasa Syariah Negeri untuk membuat siasatan yang mendalam.

*(20 November 1974)*

**50. MEMBINA MASJID BAHARU DI TANAH PERKUBURAN (KUBANG SEMANG)**

Permohonan dari Jawatankuasa Qaryah Masjid Kubang Semang, Bukit Mertajam, Fatwa mengenai cadangan jawatankuasa hendak menggunakan sebahagian daripada tanah perkuburan di qaryah itu sebagai tapak masjid baharu yang dicadangkan?

**Keputusan :-**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju meminta Y.B Tuan Haji Ahmad Bin Haji Abdullah, ahli Jawatankuasa Syariah Negeri membuat lawatan ke masjid dan tanah perkuburan tersebut terlebih dahulu untuk mengetahui kedudukan yang sebenar dan setiausaha diminta mendapatkan surat-surat, geran dan pelan tanah perkuburan tersebut untuk dilaporkan kepada jawatankuasa ini.

*(20 November 1974)*

**51. MEMISAHKAN SEMBAHYANG JUMAAT BERGILIR-GILIR DI ANTARA DUA MASJID.**

Permintaan dari jawatankuasa qaryah Masjid Sungai Dua Pekan supaya dipisahkan sembahyang Jumaat yang sedang bergilir-gilir di antara Masjid Sungai Dua Pekan dengan Masjid Kubur (Pokok Setul) dengan sebab berlainan nombor mukim bagi masjid masing-masing?

### **Keputusan :-**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju meminta Y.B Tuan Haji Ahmad Bin Haji Abdullah ahli Jawatankuasa Syariah Negeri supaya membuat lawatan kedua-dua masjid pada waktu sembahyang Jumaat untuk menentukan jumlah bilangan orang-orang yang bersembahyang bergilir dan bilangan orang-orang yang tidak bergilir. Lawatan itu hendaklah dibuat bersama-sama dengan kadi daerah berkenaan.

*(20 November 1974)*

### **52. LAPORAN PEMBINAAN MASJID BAHRU DI TAPAK PERKUBURAN ( MASJID KUBANG SEMANG)**

Laporan Tuan Haji Abdul Halim bin Nuh mengenai permohonan Jawatankuasa Qaryah Masjid Kubang Semang. Fatwa terhadap cadangan hendak menjadi sebahagian tanah perkuburan di Kubang Semang sebagai tapak masjid baharu yang dicadangkan.

### **Keputusan :**

Oleh sebab pendapat ahli-ahli tidak sebulat suara, maka masalah ini akan dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

*(21 Disember 1974)*

**53. PEMBINAAN DUA BUAH RUMAH DIREKA DI ATASNYA DENGAN MODUL FITRAH.**

Permintaan Jawatankuasa Fitrah Negeri sama ada Lot 89 dan 90 Jalan Lim Euw Soon, Pulau Pinang yang dicadangkan pembinaan dua buah rumah direka di atasnya dengan modul fitrah boleh Jawatankuasa Fitrah kerana cadangan itu.

**Keputusan :**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan pendapat, iaitu tanah Lot tersebut boleh dipajak kepada Jawatankuasa Fitrah Negeri asalkan faedahnya dipulangkan kepada Baitulmal.

*(21 Disember 1974)*

**54. PEMBINAAN MASJID BAHARU (SUNGAI ARA)**

Cadangan pembinaan masjid baharu di qaryah Sungai Ara daripada masjid qaryah yang sedia ada.

**Keputusan :**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju bahawa pada pendapat jawatankuasa itu boleh didirikan masjid baharu di qaryah Sungai Ara memandangkan pada perlunya dan pembinaan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama tahun 1959.

*(21 Disember 1974)*

## **55. KAYU KAYAN BAGI BANGUNAN MASJID KAMPUNG TERANG, BALIK PULAU**

Pertanyaan daripada jawatankuasa qaryah Kampung Terang, Balik Pulau mengenai kayu kayan bagi bangunan masjid lama yang tersimpan.

### **Keputusan :-**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan pendapat iaitu perkakas-perkakas masjid lama yang diroboh tidak boleh dijual sama sekali dan hendaklah digunakan semula kepada mana-mana masjid yang memerlukannya. Sekiranya tiada masjid yang memerlukan perkakas-perkakas itu, maka kemudian daripada itu bolehlah dijual dan hasilnya diguna untuk faedah masjid itu.

*(21 Disember 1974)*

## **56. USTAZ AL-HAFIZ ABDULLAH BUKHARI SEBAGAI IMAM MASJID KAPITAN KELING**

Temuduga Ustaz Al-Hafiz Abdullah Bukhari seorang calon untuk memenuhi jawatan imam di masjid Kapitan Keling.

### **Keputusan :-**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju memperakui bahawa Ustaz Al-Hafiz Abdullah Bukhari sebagai seorang yang berkelayakan memenuhi jawatan imam di Masjid Kapitan Keling.

*(21 Disember 1974)*



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA  
NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1975**

## 57. WASIAT DAN KEMATIAN

1. Apakah hukumnya bagi seseorang Islam sebelum dia mati, maka diwasiatkan kepada saudaranya yang hidup "Apabila aku mati kelak, hendaklah engkau meletakkan selimut aku bersama-sama kafan dengan berselubung kain hijau. Jika tidak, maka tertanggunglah olehmu dosa itu terhadapku oleh Tuhanmu"?.
2. Apakah hukumnya pula jika seseorang Islam itu, sebelum ia mati, maka diwasiatkannya kepada saudaranya yang hidup "Apabila aku mati kelak, hendaklah engkau meletakkan azimat kapan di sisiku bersama selimut putihku. Jika tidak maka tertanggunglah olehmu dosa itu terhadapku oleh Tuhanmu"?.
3. Apakah hukumnya lagi bagi seseorang Islam itu, sebelum ia mati, maka diwasiatkan kepada saudaranya yang hidup "Apabila aku mati kelak, hendaklah engkau meletakkan azimat kitab al-Quran al-Karim di sisi mayatku bersama-sama selimut putihku. Jika tidak engkau letakkannya maka tertanggunglah olehmu dosa itu terhadap amanatku oleh Tuhanmu"?.
4. Apakah hukumnya bagi seseorang muslimat (perempuan Islam) yang mewasiatkan kepada saudaranya yang hidup "Apabila aku mati kelak hendaklah engkau membubuhkan cincin azimatku yang bertulis kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ di jari manis kananku. Jika tidak engkau berbuat demikian, engkau tanggunglah dosa itu terhadap amanatku"?.

5. Apakah hukumnya seseorang muslimat yang berwasiat "Apabila aku mati kelak, hendaklah engkau bubuh inai di semua jari kananku serta di tengah tapak tangan kananku dan hendaklah engkau mencelakkan mataku dan membedakkan mukaku dengan bedak-bedak sejuk yang baik. Jika engkau tidak berbuat demikian, maka engkau tanggunglah dosa itu"?
6. Apakah hukumnya jika seseorang Islam lain datang mengganggu mayat si mati dan membuat hingar-bingar di hadapan mayat sehingga mencelakan perbuatan orang ramai yang menziarahi mayat itu?.
7. Apakah hukumnya jika seseorang Islam lain memakan makanan dan minuman di hadapan mayat dan di dalam rumah si mati serta berbual hal-hal duniawi di dalamnya?

### **Keputusan :**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi jawapan kepada soalan-soalannya seperti berikut :-

1. Soalan 1 hingga 7;

Perkataan-perkataan yang dilafazkan itu tidak dijadikan wasiat dengan kerana amalan-amalan yang diwasiatkan itu tidak lulus pada hukum Syarak.

**(7 Januari 1975)**

## 58. PUSAKA

1. Adakah si anak berhak menuntut bahagiannya (dari harta ayahnya) setelah ayahnya menghadiahkan sebahagian daripada hartanya kepada orang yang bukan ahli waris secara hukum Syarak?
2. Adakah dibenarkan wang hasil daripada jualan 1/3 daripada modal saham diwakafkan?

### Keputusan :-

1. Tidak ada hak bagi anak itu menuntut bahagiannya, apabila ayahnya semasa hidup telah membahagikan hartanya secara hadiah atau hibah (هبة).
2. Wang tidak boleh diwakafkan, kena beli harta yang kekal terlebih dahulu.

(15 Mei 1975)

## 59. MENJADI PENAUNG BAGI BADAN-BADAN KRISTIAN.

Adakah boleh T.Y.T. Gabenor Pulau Pinang menjadi penaung bagi Badan-Badan Kristian seperti St. Nicholas dan Y.M.C.A.

### Keputusan :-

Tidak harus pada Syarak menjadi penaung bagi badan tersebut kerana yang demikian itu termasuk di dalam perkara memberi pertolongan bagi barang yang salah pada ugama Islam.

Allah SWT berfirman yang maksudnya :

1. "Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan bijaksana dan nasihat yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik"  
(Surah al-Nahl: 125).
2. "Dan tolong-menolong kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa dan janganlah kamu tolong-menolong di dalam perkara berdosa dan bermusuhan-musuhan".  
(Surah al-Maidah: 2)

**(30 Mei 1975)**

